

## Hutan Sarawak terus dipulihara

by Jessica Jawing. Posted on May 25, 2011, Wednesday



**PENGHARGAAN:** Sapuan (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Naroden sejurus selepas majlis perasmian Kursus Penyiasatan dan Pendakwaan Ke Atas Jenayah Hidupan Liar:Heart of Borneo, semalam. Turut kelihatan Derek (kiri).

### 1.1 juta hektar tanah diwartakan taman negara dan santuari hidupan liar

KUCHING: Kerajaan negeri menyasarkan untuk mewartakan sejumlah 1.1 juta hektar tanah menjelang 2020 sebagai kawasan taman negara, hutan simpan semula jadi dan santuari hidupan liar yang dikenali Kawasan Lindungan Sepenuhnya (TPA).

Menteri Muda Perancangan dan Pengurusan Sumber Mohd Naroden Majais berkata sehingga kini Sarawak berjaya mencapai kira-kira 780,001 hektar tanah yang diwartakan sebagai TPA dan lebih setengah daripadanya adalah antara sempadan semula jadi. "Antaranya Taman Negara Batang Ai dan Santuari Hidupan Liar Lanjak Entimau dengan kawasan seluas kira-kira 1,927 kilometer persegi yang berdekatan dengan TPA Taman Negara Kerihun Bentung Indonesia di Kalimantan.

"Selain itu kita juga mempunyai 754 kilometer persegi tapak Warisan Dunia Taman Negara Mulu di utara yang berdekatan dengan Brunei Darussalam," katanya berucap merasmikan Kursus Penyiasatan dan Pendakwaan Ke Atas Jenayah Hidupan Liar:Heart of Borneo di sini, semalam.

Menurut beliau kerajaan dalam usaha menyediakan pembangunan kepada negeri ini tidak pernah lalai dengan pemuliharaan hidupan semula jadi. Menyedari kepentingan itu kata Naroden, kerajaan menyediakan saiz tanah untuk memulihara habitat hidupan liar.

Naroden menjelaskan bahawa dengan itu Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 dan Ordinan Hutan Simpan dan Taman Negara 1998 telah diperbaiki daripada

edisinya pada 1958 dan 1990, selepas kerajaan negeri menerima Pelan Induk Hidupan Liar Sarawak.

“Ia menjadi satu dasar kepada kita (kerajaan) dan membantu menaik taraf undang-undang perlindungan hidupan liar negeri,” tegasnya.

Beliau tidak menafikan aktiviti pemerdagangan hidupan liar kini berleluasa bukan sahaja secara fizikal bahkan dipromosi melalui Internet. Justeru katanya, pegawai penguatkuasaan undang-undang digesa untuk sentiasa bersedia bagi memastikan spesies hidupan liar dilindungi daripada pemburu haram dan aktiviti pemerdagangan.

“Kita amat bertuah kerana transaksi pemerdagangan hidupan liar melalui Internet hanya berbentuk elektronik kerana harga ataupun hidupan itu sendiri perlu sampai melalui orang tengah mahupun pembeli secara fizikal. “Bermakna ia membolehkan mana-mana pihak berkuasa campur tangan”.

Sementara itu Pemangku Pengarah Jabatan Hutan Sarawak (JHS) Ali Yusop berkata bagi membanteras aktiviti pemerdagangan hidupan liar kini apa yang penting adalah menaik taraf sistem perundangan serta dasar di peringkat optimum. Ia ujanya bagi mengurangkan kadar jenayah ke atas hidupan liar.

“Cadangan untuk mengenakan denda lebih berat jika disabit kesalahan juga diharapkan dapat membendung jenayah hidupan liar.

“Satu lagi langkah bagi melindungi dan memelihara hidupan liar adalah seseorang itu perlu mengamalkan perlindungan, pemeliharaan dan berterusan bagi tujuan kemapanan hidupan liar,” katanya melalui teks ucapannya yang dibacakan Timbalannya Sapuan Ahmad.

Seminar anjuran bersama JHS semalam turut dihadiri wakil TRAFFIC South East Asia Derek Anderson

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/05/25/>